



MANUAL PENGGUNA PERMOHONAN PELEKAT KENDERaan BUKAN STAF

SISTEM PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UNIVERSITI
PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Bahagian Keselamatan
UPNM 2023

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.0 PENGENALAN SISTEM	3
2.0 KEPERLUAN E-KESELAMATAN	3
2.0.1 Keperluan perkakasan	
2.0.2 Keperluan perisian	
3.0 PANDUAN E-KESELAMATAN	3
3.0.1 Alamat web	
3.0.2 Manual pengguna	
4.0 PROSES UNTUK AKSES KE SISTEM E-KESELAMATAN	4
4.1 Menu Utama	4 - 8
5.0 LANGKAH PERMOHONAN PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN BUKAN STAF	9 - 14
6.0 SEMAKAN PERMOHONAN	15
6.1 LANGKAH SEMAKAN STATUS PERMOHONAN	15 - 19

1.0 PENGENALAN SISTEM

Sistem E-Keselamatan adalah sistem permohonan secara talian yang mengandungi permohonan pelekat kenderaan bukan staf.

2.0 KEPERLUAN

2.1 KEPERLUAN PERKAKASAN

Sistem perkakasan 3 komputer pengguna perlu mempunyai akses internet jalur lebar (broadband) bagi memastikan kestabilan aplikasi. Sambungan internet melalui teknologi GPRS dan Edge akan menyebabkan ketidakstabilan capaian data di dalam aplikasi ini.

2.2 KEPERLUAN PERISIAN

Keperluan minima perisian di dalam Komputer (PC) untuk melancarkan sistem E-Recruitment adalah seperti berikut:

a) Internet Browser

Pengguna disyorkan menggunakan Mozilla Firefox versi terkini dengan resolution minimum 1024x768 untuk paparan terbaik.

b) Adobe Acrobat Reader & format gambar berbentuk JPG

Perisian Adobe Acrobat Reader diperlukan untuk memaparkan dokumen pengesahan, iklan, syarat jawatan dan sebagainya. Manakala gambar yang berbentuk jpg diperlukan untuk memuatnaik dokumen di permohonan pelekat kenderaan sahaja.

3.0 PANDUAN E-KESELAMATAN

3.1 ALAMAT WEB

Alamat sistem E-Keselamatan adalah seperti berikut:

- <http://ekeselamatan.upnm.edu.my>

4.0 PROSES UNTUK AKSES KE SISTEM E-KESELAMATAN

Capaian ini menyediakan panduan menggunakan sistem E-Keselamatan UPNM. Sila klik pada capaian 'Manual Pengguna' untuk panduan menggunakan sistem ini.

4.1 MENU UTAMA

- a) Sebelum memulakan permohonan pastikan pemohon perlu **melengkapkan dokumen untuk dimuatnaik** dalam borang permohonan pelekat kenderaan (Bukan Staf) **berformat .jpg** seperti **Jadual 1** dibawah :

JENIS DOKUMEN	KATEGORI					
	AGENSI LUAR			PELAJAR		
	UPNM HOLDING STAF	UPNM HOLDING LPU	KONTRAKTOR	SEMENTARA CTH: PENIAGA (KECUALI PELAJAR)/ GURU KAFA/ PELATIH SUKAN	SISWAZAH	LUAR KAMPUS
Kad Pengenalan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kad Tentera/ Matrik/ Pekerja	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Lesen memandu	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Geran/ Insuran Kenderaan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Surat Tawaran kerja / belajar/ kontrak	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Surat Kebenaran Ibu bapa (Borang ini boleh muat turun di Bahagian Portal E-keselamatan UPNM)	✗	✗	✗	✗	✗	✓
Borang pengesahan Luar Kampus (Borang ini boleh muat turun di Bahagian Portal E-keselamatan UPNM)	✗	✗	✗	✗	✗	✓
Borang pengesahan (Borang pengesahan pelekat kenderaan – Borang ini boleh muat turun di Bahagian Portal E-keselamatan UPNM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Jadual 1 : Dokumen yang diperlukan mengikut kategori permohonan pelekat kenderaan bukan staf

- b) Bagi Pemohon semua kategori perlu muat turun **Borang Pengesahan** (Borang pengesahan pelekat kenderaan) terlebih dahulu sebelum memulakan permohonan seperti di **Rajah 4.0**.

The screenshot shows the 'Muat Turun' (Download) page. A red box highlights the 'Muat Turun' button at the top right. A red arrow labeled '1' points from this button to a larger inset window titled 'Muat Turun'. Inside this window, a red box highlights the 'Borang Pengesahan Pelekat Kenderaan (Bukan Staf)' link under the 'Borang Manual' section. A red arrow labeled '2' points from this link to the document itself.

BORANG PENGESAHAN PELEKAT KENDERAAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

BAHAGIAN I

1. NAMA		
2. NO. KP		
3. NO. MATRIK / NO. PEKERJA		
4. TAHUN PENGAJIAN (DIBOLEH PELAJAR)		
5. SYAFAKAT / FAKULTI / SEJARAH		
6. TUJUAN MEMBAWA KENDERAAN		
7. NO. TELEFON	PEJABAT:	HP:
8. JENIS KONTRAK / PEMERINTAHAN		
9. TEMPOH KONTRAK / SEMESTER PENGAJIAN	MULAI:	SEHINGGA:

Tarikh: Tandatangan Pemohon

BAHAGIAN II

(PENGESAHAN/ PERAKUAN PUSAT TANGGUNGJAWAB)

Dimaklumkan bahawa penama/ individu seperti diatas adalah **diperakuan/ tidak diperakuan** benar bagi bujian permohonan pelekat kenderaan di Bahagian Keselamatan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Tarikh: Tandatangan & Cop.Jawatan


Dokumen ini perlu dimuatnaik semasa membuat permohonan melalui sistem keselamatan.upnm.edu.my
Semakan: 1
Keluaran: 04/11/2022

Borang Pengesahan Pelekat Kenderaan


- Borang ini diperlukan untuk menyemak tempoh kontrak atau pengajian pemohon oleh Bahagian Keselamatan

Rajah 4.0 : Cara-cara muat turun Borang Pengesahan (Borang Pengesahan Pelekat Kenderaan)

- c) Bagi pemohon **Pelajar Luar kampus** sahaja diwajibkan untuk **muat turun Borang Kebenaran Ibu Bapa dan Borang Pengesahan Luar Kampus** seperti di **Rajah 4.0** dan seterusnya muat naik di bahagian dokumen sokongan **Permohonan Pelekat Kenderaan (Bukan Staf)**.
- d) Pengguna akan dipaparkan dengan paparan seperti didalam **Rajah 4.1**. Untuk memulakan permohonan, sila tekan pada menu '**Permohonan Bukan Staf**'.




Rajah 4.1: Paparan Halaman Utama



Rajah 4.2: Paparan menunjukkan pengguna untuk menekan pada butang 'Mohon'

e) Seterusnya pegguna tekan 'Mohon' untuk memulakan permohonan seperti di **Rajah 4.2.**

f) Sebelum meneruskan permohonan , pengguna diminta **untuk membaca artikel** terlebih dahulu berkenaan penerangan **permohonan mengikut kategori seperti dalam Rajah 4.4 .**



Rajah 4.3 : Artikel penerangan kategori pemohon.

SILA BACA KATEGORI PELEKAT INI SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN !		
KATEGORI PEMOHON	KATEGORI PELEKAT	DESKRIPSI
AGENSI LUAR	STAF UPNM HOLDING DAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI	Mana –mana bukan kakitangan Universiti yang bekerja di UPNM. Cth: Staf UPNM Holdings, Lembaga Pengarah
	KONTRAKTOR	Syarikat / pekerja yang dilantik oleh pihak Universiti bagi kerja-kerja penyelenggaraan di UPNM
	SEMENTARA	<ul style="list-style-type: none">• Mana-mana individu yang dilantik sekurang-kurangnya 2-3 bulan bekerja / pekerja luar bekerja sementara di UPNM/ Pelajar dari UPNM yang menjalani latihan industri di UPNM / Pelajar dari Universiti luar yang menjalani latihan industri di UPNM.• Siswazah (pelajar) yang menjalankan kajian / projek (GRA / RA) yang tidak mendaftar di bawah UPNM. Cth : Pelajar praktikal yang tidak mendaftar di bawah UPNM, pelatih sukan dan yang berkaitan, Peniaga (kecuali pelajar).
PELAJAR	SISWAZAH	<ul style="list-style-type: none">• Mana-mana pelajar yang mengikuti pengajian diperingkat Sarjana/ Sarjana Tinggi di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Pelajar yang menyambung pelajaran sebagai graduan Master atau PHD dan keatas.• Mana – mana Individu (Siswazah / GRA/ RA) yang dilantik secara rasmi bagi menjalankan kajian / projek penyelidikan di UPNM dan juga mendaftar pengajian di UPNM.• Pelajar praktikal yang mendaftar di bawah UPNM
	PELAJAR LUAR KAMPUS	Mana-mana pelajar Tahun Akhir UPNM / Pelajar UPNM yang tinggal Luar Kampus dan telah mendapat kebenaran pihak Universiti
<ul style="list-style-type: none">• Pelekat kenderaan ini adalah pas pengenalan dalam kawasan UPNM sahaja.• Pelekat kenderaan ini hanya sah digunakan seperti yang ditayangkan dengan kebenaran pihak keselamatan.• Pelekat kenderaan ini boleh ditarik semula / tindakan dendia akan dikenakan dan Bahagian Keselamatan berhak tidak meluluskan jika memalsukan dokumen / penipuan pada pelekat kenderaan.		

Saya telah membaca dan memahami kategori permohonan pelekat kenderaan seperti yang diatas.

Saya Faham

Rajah 4.4 : Artikel penerangan kategori pemohon.

- g) Setelah membaca dan faham akan penerangan kategori pemohon. Sila tick (**Saya telah membaca dan memahami kategori permohonan pelekat kenderaan di atas**) dan seterusnya klik butang ' **Saya Faham**' pada bahagian dibawah artikal penerangan seperti di **rajah 4.5** .

SILA BACA KATEGORI PELEKAT INI SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN !		
KATEGORI PEMOHON	KATEGORI PELEKAT	DESKRIPSI
AGENSI LUAR	STAF UPNM HOLDING DAN LEMBAGA PENGARAH	<p>Mana – mana bukan kakitangan Universiti yang bekerja di UPNM. Cth: Staf UPNM Holdings, Lembaga Pengaroh</p> <p><input type="checkbox"/> Saya telah membaca dan memahami kategori permohonan pelekat kenderaan seperti yang diatas.</p>
SEMENTARA		
PELAJAR	SISWAZAH	<ul style="list-style-type: none"> • Manfaatkan ini sebagai sumber maklumat tentang kurangtarikh dan bahan bekerja / pekerja luar bekerja sementara di UPNM. Pelajar dari UPNM yang menjalani latihan industri di UPNM / Pelajar dari universiti luar yang menjalani latihan industri di UPNM. • SiswaZah (pelajar) yang menjalankan kajian / projek (GRA / RA) yang tidak mendaftar di bawah UPNM. Cth : Pelajar praktikal yang tidak mendaftar di bawah UPNM, pelatih sukan dan yang berkaitan, Peniaga (kecuali pelajar).
PELAJAR LUAR KAMPUS		<p>Mana-mana pelajar yang mengikuti pengajian diperingkat Sarjana/ Sarjana Tinggi di Universiti Pertubuhan Nasional Malaysia Pelajar yang menyambung pelajaran sebagai graduan Master atau PhD dan keatas.</p> <p>• Manu – mana individu (SiswaZah / GRA / RA) yang dilantik secara rasmi bagi menjalankan kajian / projek penyelidikan di UPNM dan juga mendaftar pengajian di UPNM.</p> <p>• Pelajar praktikal yang mendaftar di bawah UPNM</p>
-		
<p>- Pelekat kenderaan ini adalah pas pengesahan dalam Kawasan UPNM sahaja.</p> <p>- Pelekat kenderaan ini hanya berkuatkuasa sejauh ia dinyatakan dengan kebenaran pihak keselamatan.</p> <p>- Pelekat kenderaan ini boleh ditarik semula / tindakan deuda akan dikenakan dan Bahagian Keselamatan berhak tidak meluluskan jika memalsukan dokumen / penipuan pada pelekat kenderaan.</p>		
<p><input type="checkbox"/> Saya telah membaca dan memahami kategori permohonan pelekat kenderaan seperti yang diatas.</p>		<p>Saya Faham</p>

Rajah 4.5: Tick setelah membaca penerangan

5.0 LANGKAH- LANGKAH PERMOHONAN

The screenshot shows the UPNM online application interface for vehicle registration. At the top, the university's logo and name are displayed. Below that, the title "PERMOHONAN ONLINE PELEKAT KENDERAAN BUKAN STAF" is shown, followed by a note: "Sila isi semua maklumat yang diminta untuk ke peringkat seterusnya". A progress bar at the top indicates the current step is "Step 1 - 5". The main form area is titled "Maklumat Pemohon:" and contains the following fields:

- Tahun Pelekat Kenderaan: 2022
- Kategori Pemohon: Adu Pihak (selected)
- No Telefon: (empty field)
- Email: (empty field)
- Tarikh Kelahiran / Pengajian: 20/12/2022 - 20/12/2022
- Gantikan Passport/Jenis Fat. JPG/Sample: Choose File (No file chosen)

A "Selanjutnya" button is located at the bottom right of the form.


Rajah 5.0: Rajah ini memaparkan antara muka utama untuk permohonan.

This screenshot shows the same UPNM online application interface as Rajah 5.0, but with a specific focus on the "Kategori Pemohon" dropdown menu. A red box highlights the dropdown, and a red arrow points to the "Pelajar Siswazah" option, which is currently selected. The dropdown menu also lists other categories such as "Sila Pilih", "Pelajar Luar Kampus", "Sementara", "Kontraktor", "Agen Luar (Staf UPNM Holding)", and "Agen Luar (Lembaga Pengarah Universiti)". Other options like "No KP/No Tentera/No Pasport" are also visible. The rest of the form is identical to Rajah 5.0.

Rajah 5.1: Antara senarai kategori pemohon


- a) Seperti di **rajah 5.1**, pemohon perlu membuat **pilihan kategori** yang telah diberikan seperti penerangan di **rajah 4.4**.

- b) Seterusnya, pemohon perlu mengisi borang permohonan untuk meneruskan permohonan seperti **dirajah 5.2**.



Rajah 5.2 : Rajah ini memaparkan borang permohonan yang perlu lengkap diisi oleh pemohon.

- c) Sebelum menekan butang '**Seterusnya**', pemohon perlu memuatnaik gambar berukuran pasport dalam format **.jpg** dan **pastikan semua maklumat dimasukkan dengan lengkap serta menekan butang seterusnya untuk mengisi maklumat kenderaan**.



Rajah 5.3 : Memuatnaik gambar berukuran passport

- d) Rajah 5.4** dibawah memaparkan **Maklumat Kenderaan** yang perlu diisi.
- Maklumat Kenderaan yang perlu diisi dengan lengkap**

1. Jenis kenderaan	4. Jenis model
2. No kenderaan	5. Tarikh tamat lesen
3. Model Kenderaan	

PERMOHONAN ONLINE PELEIKAT KENDERAAN BUKAN STAF
Silia sebab maklumat yang dimuat utara ke pengikut seterusnya

Jenis Kenderaan: KERETA / RM5.00

No Kenderaan: WB123

Model Kenderaan: HONDA

Jenis Model: CIVIC

Tarikh Tamat Lesen: 22-Dec-2022

Tarikh Tamat Culaj Jalan: 02-Jan-2023

Kembali Seterusnya

Rajah 5.4 : Paparan Maklumat Kenderaan yang perlu diisi.

- e) Setelah lengkap mengisi **Maklumat Kenderaan** tekan butang Seterusnya untuk memuatnaik dokumen sokongan seperti di **Rajah 5.5 di bawah dan setelah selesai tekan butang 'SETERUSNYA'****

PERMOHONAN ONLINE PELEIKAT KENDERAAN BUKAN STAF
Silia sebab maklumat yang dimuat utara ke pengikut seterusnya

Dokumen: Step 3 - 5

Penting! Silia hanya membenarkan fail jenis jpg/png untuk dimuatnaik.

Kad Pengguna: Choose File | ADQQ6600.JPG

Kad Tentera / Matrik. Pelajar: Choose File | ADQQ6600.JPG

Lesan Memandu: Choose File | ADQQ6600.JPG

Geran / Insurans Kenderaan: Choose File | ADQQ6600.JPG

Surat Tawaran: Choose File | ADQQ6600.JPG

Surat Keterangan Ibu Bapa: Choose File | AERS1432.JPG

Borang Pengesahan Luar Kampus: Choose File | ADQQ6600.JPG

Borang Pengesahan: Choose File | ADQQ6600.JPG

Kembali Seterusnya

Rajah 5.5: Paparan dokumen sokongan yang diperlukan

- f) Setelah selesai memuatnaik dokumen sokongan, sila baca dan fahamkan berkenaan penerangan dengan **Aku Janji** berkenaan permohonan pelekat kenderaan seterusnya menekan butang '**Hantar**' untuk **Permohonan Pelekat Kenderaan** setelah lengkap diisi seperti di **Rajah 5.6** dibawah.

UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewujudan • Maruah • Integriti

PERMOHONAN ONLINE PELEKAT KENDERAAN BUKAN STAF

Sila isi semua maklumat yang diminta untuk ke peringkat seterusnya.

Pemohon Kenderaan Dokumen Aku Janji Selesai

Aku Janji:

*Sila acorti 'aku Janji & syarat tambahan ini untuk membuat pengesahan bacauan.

1. Mahasiswa prima masuk MTU.
2. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan pelajar (termasuk topi keledar dan pelekat/pas kenderaan) yang hilang atau rosak di dalam kampus.
3. Pelajar tidak boleh membawa meriam/menembak meriam/hanap yang disiapkan dan kenderaan serta pelekat/pas kenderaan tidak boleh dipindah milik.
4. Persekitaran memerlukan persetujuan dan persetujuan kerajaan sebelum dilakukan.
5. Sekiranya berlaku sesuatu kerlanggaran di dalam kampus hendaklah disampaikan ke Bahagian Keselamatan daripada pihak berkewajipan secepat mungkin.
6. Penggunaan kenderaan di dalam kampus adalah terhad kepada Alat Jalanraya Pengangkutan (1987) dan Peraturan Lalu Lintas Jalan UPNM yang dikuatkuasa.
7. Peraturan hanya diberikan kepada kenderaan untuk tujuan menghadiri kulin atau aktiviti Universiti dan kenderaan yang dibawa tidak serta tidak diperkenankan ditenggakkan bermatlamat di dalam kawasan UPNM.
8. Pihak Bahagian Keselamatan berhak mengarahkan penilai kenderaan mengalihkan kenderaan sekiranya difikiran perlu.
9. Sekiranya dilakukan pelajar melanggar atau ingkar kepada Peraturan Lalu Lintas dan perkara yang dinyatakan seperti diatas, tindakan mengunci tayar dan dendam mengikut Peraturan Lalu Lintas UPNM boleh dikenakan hukuman terus salut dan dendam tidak melebihi RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja) dan Pihak Bahagian Keselamatan berhak untuk membatalkan atau menarik balik kebenaran berlaku yang telah diberikan dengan serta-merta.

Kembali Hantar

Rajah 5.6: Paparan menunjukkan 'Aku Janji' permohonan pelekat kenderaan bukan staf.

- g) **Setelah status permohonan telah diluluskan oleh pihak Bahagian Keselamatan, pastikan pemohon membuat pembayaran pelekat kenderaan dengan segera di Unit Hasil, Pejabat Bendahari di tingkat 1, Bangunan Bestari dan membawa bersama cetakan permohonan sebagai rujukan.**
- h) **Selepas sahaja pemohon membuat pembayaran , pemohon boleh menyemak status permohonan seperti di Rajah 5.7 hingga Rajah 5.9 dibawah , untuk menyemak status permohonan klik** → **Sila semak permohonan anda di sini.**

UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewujudan • Maruah • Integriti

PERMOHONAN ONLINE PELEKAT KENDERAAN BUKAN STAF

Sila isi semua maklumat yang diminta untuk ke peringkat seterusnya.

Pemohon Kenderaan Dokumen Aku Janji Selesai

Selesai: Step 5 - 5

BERJAYA !

Permohonan anda telah dihantar kepada Bahagian Keselamatan bagi tujuan semakan dan pengesahan. Selepas pengesahan dilakukan, anda boleh mencetak maklumat permohonan dan membuat pembayaran di Unit Hasil, Bendahari.

Sila semak permohonan anda di sini.

Rajah 5.7: Paparan menunjukkan permohonan selesai.

- i) Seterusnya masukkan **No KP/ No Tentera/ No Matrik** pemohon untuk semakan status permohonan seperti di **Rajah 5.8** dan menekan butang '**Semak Permohonan**'.



Rajah 5.8 : Memasukkan No KP/ No Tentera/ No Matrik untuk semakan permohonan

- j) Gambar Rajah 5.9 dibawah menunjukkan status permohonan pemohon.



Rajah 5.9 : Status permohonan pelekat kenderaan yang telah dihantar

- k) Jika status permohonan telah bertukar '**Sedia untuk diambil**' seperti **Rajah 5.10**, pelekat kenderaan telah siap diproses oleh pihak Bahagian Keselamatan dan pemohon boleh mengambil pelekat di Pejabat Bahagian Keselamatan mengikut **Tarikh, Masa dan Lokasi** seperti yang dinyatakan.

The screenshot shows a web-based application for checking vehicle sticker application status. At the top, the logo of the National Defense University of Malaysia (UPNM) is displayed. Below it, the title 'SEMAK STATUS PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN BUKAN STAF' is visible. A search bar contains the number '920415145926'. A purple button labeled 'Semak Permohonan' is present. Below the search bar, the text 'BOOKING ID: #KP5378' is shown, followed by a progress bar with five steps: 'Semakan', 'Pembayaran', 'Proses Sticker', 'Pick Up' (which is highlighted in blue), and 'Selesai'. To the right of the progress bar, a table provides details about the application:

Keterangan Permohonan	Status
AMINAH Kenderaan: WB123 / HONDA.CIVIC. Kategori Pemohon: Pelajar Luar Kampus Status Bayaran: paid	SEDIA UNTUK DIAMBIL Tempat: Pejabat Keselamatan (Tuah) Tarikh: 31/12/2022 Masa: 11:05 AM

A red circle highlights the 'SEDIA UNTUK DIAMBIL' status message. An arrow points from this circle to a separate 'Status' box on the right, which contains the same information. Below this box, a red box contains the following text:

• **Masa, tarikh dan lokasi untuk mengambil pelekat kenderaan.**

Rajah 5.10 : Semakan status permohonan ' Sedia untuk Diambil'

6.0 SEMAKAN PERMOHONAN

- Untuk semakan status permohonan pelekat kenderaan, pemohon boleh menyemak dengan **DUA KADEAH** iaitu **selepas menghantar permohonan seperti di Rajah 5.7 hingga Rajah 5.9** atau di ruangan paparan utama e-keselamatan di bahagian "**Permohonan Bukan Staf**". Semakan ini dibuat selepas permohonan pelekat kenderaan telah dihantar.


KAEDAH 1: Melalui emel yang didaftarkan dalam **Permohonan Pelekat Kenderaan (Bukan Staf)**.

KAEDAH 2 :

- Rujuk perenggan 5.0 (h) hingga 5.0 (j).

KAEDAH 3 : Di ruangan paparan utama sistem e-keselamatan di bahagian menu "**Permohonan Bukan Staf**" .

6.1 LANGKAH SEMAKAN STATUS PERMOHONAN




Rajah 6.0 : Butang semakan permohonan pelekat kenderaan

- a) Untuk memulakan semakan pergi kepada paparan utama E-keselamatan dan klik “**Permohonan Bukan Staf**” dan seterusnya tekan ‘**Semak**’.
- b) Seterusnya masukkan **No KP/ No Tentera/ No Matrik** pemohon untuk semakan status permohonan seperti di **Rajah 6.1** dan menekan butang ‘**Semak Permohonan**’ .



Rajah 6.1 : Memasukkan No KP/ No Tentera/ No Matrik untuk semakan permohonan

- c) Setelah menekan butang **Semak Permohonan** seperti di **Rajah 6.2** memaparkan **status permohonan pelekat kenderaan**. Antara perincian status permohonan adalah:
 - i. **DALAM PROSES SEMAKAN** : Permohonan adalah dalam proses mendapatkan status sokongan dari pihak Bahagian Keselamatan.




Rajah 6.2 : Status permohonan pelekat kenderaan yang telah dihantar dalam proses semakan.

ii. SOKONG/ KESELAMATAN : Permohonan telah disokong oleh pihak Bahagian Keselamatan, pemohon perlu **membuat pembayaran dan mencetak permohonan yang belum dibayar terlebih dahulu sebelum membuat pembayaran untuk dibawa bersama ke Unit Hasil Pejabat Bendahari**. Untuk mengetahui status bayaran sudah dijelaskan atau tidak, pemohon boleh melihat di kotak **Keterangan Permohonan** di bahagian **Status Bayaran**.


• **STATUS BAYARAN :**

- ii. **Unpaid** : Pemohon masih belum menjelaskan pembayaran.
- iii. **Paid** : Pemohon telah menjelaskan pembayaran



Rajah 6.3 : Status disokong oleh pihak Bahagian Keselamatan tetapi masih dalam Status Bayaran : Unpaid

iii) **SOKONG/ KESELAMATAN** : Pemohon telah menjelaskan pembayaran (**Status Bayaran : paid**) dan mendapat sokongan dari pihak tetapi pemohon masih **tidak boleh mengambil pelekat terlebih dahulu** bagi **menunggu proses penyediakan pelekat** dari pihak **Bahagian Keselamatan yang mengambil 1 - 3 hari dari tarikh pembayaran** dijelaskan.



Rajah 6.4 : Status disokong oleh pihak Bahagian Keselamatan dan Status Bayaran : paid

iv) SEDIA UNTUK DIAMBIL : Jika status 'Sedia untuk diambil' , pemohon boleh mengambil pelekat kenderaan mengikut **masa, tarikh dan lokasi yang telah ditetap** seperti yang tertera di bahagian **status** semakan dan **membawa bersama resit pembayaran** untuk diberikan kepada Bahagian Keselamatan sebagai **bukti pembayaran telah dibuat**.

The screenshot shows the 'SEMAK STATUS PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN BUKAN STAF' page. It includes fields for 'No KP/No Tentera/No Matrik/No Pasport ATAU No Plat' (920415145926), a 'Semak Permohonan' button, and a progress bar with steps: Semakan, Pembayaran, Proses Sticker, Pick Up, and Selesai. Below these are sections for 'Keterangan Permohonan' (AMINAH, Kenderaan: WB123 / HONDA, CIVIC, Kategori Pemohon: Pelajar Luar Kampus, Status Bayaran: paid) and 'Status' (SEDIA UNTUK DIAMBIL, Tempat: Pejabat Keselamatan (Tuah), Tarikh: 31/12/2022, Masa: 11:05 AM). A red circle highlights the 'Status' section.

Status

SEDIA UNTUK DIAMBIL
Tempat: Pejabat Keselamatan (Tuah)
Tarikh: 31/12/2022
Masa: 11:05 AM

- Masa, tarikh dan lokasi untuk mengambil pelekat kenderaan.

The screenshot shows a green 'RESIT RASMI' (Official Receipt) from Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. It includes fields for 'DITERIMA DARIPADA' (MUHAMAD LUQMAN HAKIM BIN MUHAMAD), 'ALAMAT' (5190240), 'UNTUK BAYARAN' (DENDA/SAMAN BAHAGIAN KESELAMATAN NO.NOTEKT00038 & KT00066), 'RINGGIT MALAYSIA' (Enam Puluh Sahaja.), 'RM' (60.00), 'CARA BAYAR/RUJUKAN' (CSH /), and 'GST'. A large red box covers the top portion of the receipt, and a red arrow points from it to a callout box. The callout box contains the text: 'Contoh Resit pembayaran yang perlu dibawa bersama untuk mengambil pelekat kenderaan di Pejabat Keselamatan.'

1

Contoh Resit pembayaran yang perlu dibawa bersama untuk mengambil pelekat kenderaan di Pejabat Keselamatan.

Rajah 6.5 : Status permohonan 'Sedia untuk diambil' yang telah dijelaskan pembayaran dan contoh resit pembayaran.

- Setelah pemohon selesai mengambil pelekat kenderaan, permohonan adalah **selesai**.
- Pemohon yang **memalsukan dokumen/ penyalahgunaan pelekat kenderaan / pemalsuan maklumat**, Pihak Bahagian keselamatan berhak **menarik semula pelekat** atau **dikenakan denda atau kedua-duanya sekali**.